



**PEKELILING AM KERAJAAN JOHOR
BIL.3 TAHUN 1991**

PEMBERIAN CENDERAMATA

1. TUJUAN:

Tujuan surat Pekeliling ini ialah untuk memberhentikan amalan pemberian cenderamata di dalam Majlis-Majlis Rasmi Kerajaan kepada pemimpin-pemimpin Negeri.

2. LATAR BELAKANG:

2.1. Adalah menjadi kebiasaan dihadihkan cenderamata kepada pembesar-pembesar Negeri di dalam Majlis-Majlis rasmi Kerajaan seperti Perasmian Bangunan, Ceramah, Kursus dan lain-lain anjuran Kerajaan, Badan-Badan Berkanun dan Agensi-agensi Kerajaan. Adalah juga diperhatikan perbelanjaan bagi mengadakan cendermata itu dibiayai oleh Jabatan sama ada Kerajaan Negeri atau Persekutuan atau pun Agensi-agensi yang lain. Cenderamata itu dihadihkan sebagai kenangan di atas jasa baik Pemimpin-pemimpin Negeri menyempurnakan tugas-tugas mereka.

2.2. Istilah Pemimpin Negeri termasuk Y.A.B. Menteri Besar, Y.B. Speaker, Y.B Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Y.B. Setiausaha Kerajaan, Y.B. Wakil-wakil Rakyat, Ketua-ketua Jabatan, Penghulu dan lain-lain anggota Perkhidmatan Awam.

3. KEPUTUSAN:

Kerajaan Negeri di dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Kerajaan pada 4.11.1991 telah memutuskan supaya tidak ada lagi penyampian cenderamata kepada Pemimpin-pemimpin Negeri atau Ketua-ketua Jabatan di dalam Majlis-majlis Rasmi anjuran Kerajaan Negeri atau pun Persekutuan atau Badan-badan Berkanun Kerajaan Negeri atau lain-lain Agensi Kerajaan di Negeri Johor. Keputusan ini hendaklah dikuatkuasa sert merta.

**(DATO' HAJI ABDUL RAHIM BIN RAMLI)
SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR.**